



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 71

20hb Disember 2018

No. 26

---

**No. 1431.**

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984  
(Act 313)

ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PENERIMAAN - PAKAI) 1986

NATIONAL FORESTRY (ADOPTION) ENACTMENT 1986

PEMBERITAHUAN MENGELOUARKAN KAWASAN TANAH DARIPADA HUTAN  
SIMPANAN KEKAL

NOTIFICATION OF EXCISION OF LAND FROM PERMANENT RESERVED FOREST

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah mengeluarkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini daripada Hutan Simpanan Kekal dan hendaklah disifatkan telah mula berkuasa pada 17 Ogos 1972.

## JADUAL

- i) Nama Hutan Simpanan — Hutan Simpanan Kekal Petuang  
Kekal  
(Sebagaimana diisyiharkan oleh Warta  
Kerajaan Negeri Terengganu No.644 bertarikh  
6 Jun 1996.)
- |        |                   |
|--------|-------------------|
| Mukim  | — Hulu Terengganu |
| Daerah | — Hulu Terengganu |

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1492

[20hb Dis. 2018]

Keluasan	—	Lebih kurang 1855 hektar pada sebahagian kawasan Hutan Simpanan Kekal Petuang.
Sempadan	—	Sebagaimana dipetakan dengan warna kelabu di atas pelan PW 1047 yang disahkan dan dibubuh tarikh baginya menurut Undang-Undang Keterangan Tanah (Pelan Ukur) tahun 1954 dan disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu.
ii) Nama Hutan Simpanan Kekal	—	Hutan Simpanan Hulu Setiu dan Hulu Nerus (Sebagaimana diisyiharkan oleh <i>Warta Kerajaan Negeri Terengganu No.268 bertarikh 17 Ogos 1972.</i> )
Mukim	—	Hulu Setiu dan Hulu Nerus
Daerah	—	Setiu
Keluasan	—	Lebih kurang 405.9 hektar pada sebahagian kawasan Hutan Simpanan Kekal Hulu Setiu dan Hulu Nerus.
Sempadan	—	Sebagaimana dipetakan dengan warna kelabu di atas pelan PW 1048 dan PA239391 yang disahkan dan dibubuh tarikh baginya menurut Undang-Undang Keterangan Tanah (Pelan Ukur) tahun 1954 dan disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu.
iii) Nama Hutan Simpanan Kekal	—	Hutan Simpanan Hulu Nerus (Sebagaimana diisyiharkan oleh <i>Warta Kerajaan Negeri Terengganu No. Tr.LN 28 dan Tr.LN 29 bertarikh 3 Ogos 1961.</i> )
Mukim	—	Hulu Nerus
Daerah	—	Setiu
Keluasan	—	Lebih kurang 191 hektar pada sebahagian kawasan Hutan Simpanan Kekal Hulu Nerus.
Sempadan	—	Sebagaimana dipetakan dengan warna kelabu di atas pelan PW 1049 yang disahkan dan dibubuh tarikh baginya menurut Undang-Undang Keterangan Tanah (Pelan Ukur) tahun 1954 dan disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu.

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

20hb Dis. 2018]

1493

In exercise of the powers conferred by section 11 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], The State Authority of Terengganu Darul Iman has excised the land described in the Schedule hereto from the Permanent Reserved Forest and shall come into force on 17 August 1972.

### SCHEDULE

- i) Name of Reserved Forest — Petuang Forest Reserved (as published vide Goverment of Terengganu *Gazette* Notification No. 644 dated 6 June 1996).
- Mukim — Hulu Terengganu.
- District — Hulu Terengganu.
- Width — Approximately 1855 hectares in the partly of Petuang Permanent Forest Reserved.
- Boundaries — As delineated in grey on plan PW 1047 certified and dated in accordance with the Description of Land (Survey Plans) Ordinance 1954 and deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu.
- ii) Name of Reserved Forest — Hulu Setiu and Hulu Nerus Forest Reserved (as published vide Goverment of Terengganu *Gazette* Notification No. 268 dated 17 August 1972).
- Mukim — Hulu Setiu and Hulu Nerus.
- District — Setiu.
- Width — Approximately 405.9 hectares in the partly of Hulu Setiu and Hulu Nerus Permanent Forest Reserved.
- Boundaries — As delineated in grey on plan PW 1048 and PA239391 certified and dated in accordance with the Description of Land (Survey Plans) Ordinance 1954 and deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu.

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1494

[20hb Dis. 2018]

iii) Name of Reserved Forest —	Hulu Nerus Forest Reserved (as published vide Goverment of Terengganu <i>Gazette</i> Notification No. Tr.LN 28 and Tr.LN 29 dated 3 August 1961).
Mukim	Hulu Nerus.
District	Setiu.
Width	Approximately 191 hectares in the partly of Hulu Nerus Permanent Forest Reserved.
Boundaries	As delineated in grey on plan PW 1049 certified and dated in accordance with the Description of Land (Survey Plans) Ordinance 1954 and deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu.

Bertarikh 2 Disember 2018  
Dated 2 December 2018  
[PTG. TR. 03/67/1989/0002/01;  
PTHT:03/15/2015/0003;  
PTS.04/15/2014/0003;  
PUN.TR.70/1 Jld.11 (101)]

ZULKIFLY BIN ISA  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu /*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

## No. 1432.

### ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360

### MALAY RESERVATIONS ENACTMENT 1360

PERINTAH ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU  
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 2018

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT  
(AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360 [*En. Tr. 17/1360*], Sultan dalam Mesyuarat dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan Jadual Kedua) 2018.
- (2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

20hb Dis. 2018]

1495

## Pindaan kepada Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360 dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA” perkataan “PELABURAN HARTANAH BERHAD”.

In exercise of the powers conferred by section 11 (ii) of the Malay Reservations Enactment 1360 [*Tr. En. 17/1360*], His Royal Highness the Sultan in Council hereby makes the following order:

### Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the Malay Reservations Enactment (Amendment of Second Schedule) Order 2018.

(2) This Order shall be deemed to have come into operation on the date the *Gazette* is published.

### Amendment of Second Schedule

2. The Second schedule the Malay Reservations Enactment 1360 is amended by inserting after the words “SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA” the words “PELABURAN HARTANAH BERHAD”.

Bertarikh 2 Disember 2018  
Dated 2 December 2018  
[PTG. TR. 00/33/2018/B/002;  
PUN.TR.70/1 Jld.11  
SUK.TR.]

ZULKIFLY BIN ISA  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu /*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

### No. 1433.

#### KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

#### NATIONAL LAND CODE (Act 56 of 1965) (Subseksyen 62(1))

#### PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM (Subsection 62(1))

#### RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA231413 Peta Kadaster No. 169-A yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu, suatu Tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1496

[20hb Dis. 2018]

## JADUAL

Daerah—Kemaman. Mukim—Banggul. Kawasan—Kampung Mak Lagam. No. Pelan—PA231413. Peta Kadaster—169-A. No. Lot—62640. Luas—5713 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon Certified Plan No. CP231413 Cadastral Plan No. 169-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a Site for Sewerage Service and System and has designated that the Federal Land Commissioner or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Kemaman. Mukim—Banggul. Locality—Kampung Mak Lagam. Plan No.—CP231413. Cadastral Plan No.—169-A. Lot No.—62640. Area—5713 square metres.

Bertarikh 2 Disember 2018  
Dated 2 December 2018  
[PTG. TR. 04/66/2018/0053;  
PTK.02/66/2018/0003;  
PUN.TR.70/1 Jld.11 (97)]

ZULKIFLY BIN ISA  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu /*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

### No. 1434.

(Seksyen 168)

#### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Nor Syukri bin Harun, K/P. 740810-11-5621 merupakan salah seorang pengarah syarikat INGINRIA JAYA SDN. BHD yang beralamat di No. 1211 B, Lorong 10, Kampung Besut, 24000 Kemaman, Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Cukai. No. Lot—10963. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 9122. Luas—5160 meter persegi.

Bertarikh 26 November 2018  
[PTG. TR. 04/55/2018/B/013]

MOHD JAMEL AZIZ BIN MOHD JIDIN  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Terengganu*

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

20hb Dis. 2018]

1497

### No. 1435.

(Seksyen 326)

#### NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Khamarudin bin Mansor, K/P. 520524-07-5409 yang beralamat di No. 88-1, Jalan Wangsa Delima KLSC Seksyen 5, Kuala Lumpur, 53300 Wilayah Persekutuan KL dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 495/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahwasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahwasanya Aeree Natasha bin Ahmad, K/P. 771211-14-5011 telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Nerus. No. Lot.—2650. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 7593. Bahagian Tanah (jika ada)—110/168 (mengikut syer). No. Berdaftar Pajakan/Gadaian—Tiada.

Bertarikh 12 November 2018  
[PTKN.02/54/2018/0023 (6)]

*Pentadbir Tanah  
Kuala Nerus*

### No. 1436.

### NOTIS AM

(Seksyen 254)

#### NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Sheffudin bin Muhammad, No. K.P. 680704-10-5487/A0964373 yang beralamat di Lot 24570, Taman Seri Nerus, Jalan Tengku Omar, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu dan/atau Jabatan Kajian Sosial, Maktab Perguruan Sultan Mizan, Kampung Raja, 22200 Besut, Terengganu penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bangunan yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahwasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kemungkiran tuan/puan membuat bayaran balik berkaitan dengan jumlah wang pembiayaan tuan ke atas Bank Islam Malaysia Berhad. Jumlah bayaran tertunggak sehingga 16 Ogos 2018 adalah sebanyak RM8,030.00. Baki keseluruhan pembiayaan tuan/puan sehingga 16 Ogos 2018 adalah sebanyak RM658,305.89.

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1498

[20hb Dis. 2018]

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya empat (4) bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Nerus. No. Lot—24570. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 11443 (dahulunya G.M. 15821). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 6474/2013 Tarikh: 02/12/2013.

Bertarikh 6 September 2018  
[JZP/LT-BIMB/H/147/18(F)]

ISMAIL BIN SULONG  
No. K.P. 701216-11-5037  
*Pewakil kuasa bagi*  
*Bank Islam Malaysia Berhad*

**No. 1437.**

(Seksyen 254)

### NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Musta bin Choya, No. K.P. 650114-11-5119/7475942 yang beralamat di Lot 916, Batu 2<sup>1/2</sup>, Jalan Air Putih, 24000 Kemaman, Terengganu penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bangunan yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kemungkiran tuan/puan membuat bayaran balik berkaitan dengan jumlah wang pembiayaan tuan ke atas Bank Islam Malaysia Berhad. Jumlah bayaran tertungggak sehingga 18 September 2018 adalah sebanyak RM16,091.07. Baki keseluruhan pembiayaan tuan/puan sehingga 18 September 2018 adalah sebanyak RM102,835.69.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

20hb Dis. 2018]

1499

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Cukai. No. Lot—13062 (dahulunya PT 10881). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 8348 (dahulunya H.S.(M) 10757). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2805/2001 Tarikh: 15/10/2001.

Bertarikh 8 September 2018  
[JZP/LT-BIMB/H/069/18(F)]

ISMAIL BIN SULONG  
No. K.P. 701216-11-5037  
*Pewakil kuasa bagi*  
*Bank Islam Malaysia Berhad*

**No. 1438.**

(Seksyen 254)

### NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SESUATU GADAIAN

Kepada Abdul Wahab bin Abd.Lah, No.K.P. 751107/11/5367/A3192089) yang beralamat di No. G-89, Rumah Murah Gong Gemia, 23100 Paka, Dungun, Terengganu dan/atau C/O M & T Metal Trading, Lot 2266, Jalan Santong, 23100 Paka, Dungun, Terengganu penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kegagalan tuan membayar balik kemudahan pinjaman sebanyak RM163,175.00 di bawah akaun no. 1004354039 kepada CIMB Bank Berhad. Baki keseluruhan pinjaman ialah sebanyak RM104,103.48 setakat 2 Oktober 2018.

Dan bahwasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Paka. No. P.T.—8565. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5240. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1335/2003.

Bertarikh 10 Oktober 2018  
[WAMCO L/CIMB/4203/SO/tsna]

TEE WAN YIN  
No. K.P. 850706-14-6214  
*Pewakil kuasa bagi*  
*CIMB Bank Berhad (13491-P)*

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1500

[20hb Dis. 2018]

No. 1439.

## BORANG D

### Akta Pengambilan Tanah 1960

(Seksyen 8)

#### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

TAPAK PEMBESARAN MASJID SEBERANG TAKIR, KAMPUNG SEBERANG TAKIR, MUKIM KUALA NERUS, DAERAH KUALA NERUS, TERENGGANU (LOT TAMBAHAN)

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

#### JADUAL

Daerah—Kuala Nerus. Mukim—Kuala Nerus.

No. Lot/ No. PT*	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan	Keluasan Lot/Petak	**Anggaran keluasan/ Anggaran keluasan/isipadu dan kedalaman tanah bawah tanah yang akan diambil	meter persegi	meter persegi
PT 100954 H.S.(M) 2739	MEK ASMANI BINTI OMAR KP: 450906-11-5292 1/1 BAHAGIAN		295		295	
			<b>JUMLAH</b>	<b>295</b>	<b>295</b>	

Bertarikh 11 Disember 2018  
[PTG.TR. 08/62/2018/J/009;  
PTKN.02/62/2018/J/002]

HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HUSSIN  
*Pengarah Tanah dan Galian*  
*Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA